



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a) DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PENGARAH PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA (*SUPERSCALE C*)  
JABATANARAH PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA  
KEMENTERIAN PERTAHANAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta  
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



**PENGARAH PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA  
JABATANARAH PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA  
KEMENTERIAN PERTAHANAN  
SUPERSCALE C (\$6,800 EB KHAS \$7,010 SEBULAN)  
KEKOSONGAN= SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Awam / Kejuruteraan Bangunan / Kejuruteraan Struktur atau bidang bersesuaian.  
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. i) Telah berkhidmat di Kementerian Pertahanan sebagai Penolong Pengarah atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.

**ATAU**

- ii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 10 tahun.
3. Lulus / dipersyaratkan untuk lulus dalam kursus "**Program Pembangunan Eksekutif**" di Institusi-Institusi tempatan ataupun luar negara atau kursus yang sebanding.
4. Mempunyai kelulusan Profesional (*Chartered*) seperti menjadi ahli kepada salah satu yang tersenarai di bawah atau sebanding;
  - i) *Chartered Institute of Building, United Kingdom (MCIOB)*; dan
  - ii) *Institution of Civil Engineers, United Kingdom (MICE)*.
5. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Menyusun dan mengawal kerja-kerja pemeliharaan bangunan dan kemudahan berkaitan yang terdapat di semua Perkhemahan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Unit Simpanan Gurkha dan rumah-rumah sewa di bawah kawalan Kementerian Pertahanan;
2. Bertanggungjawab ke atas pengendalian projek-projek pembangunan dan kemudahan yang berkaitan yang diperlukan oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Unit Simpanan Gurkha;
3. Melaksanakan sebarang tugas yang diarahkan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan; dan
4. Menyusun pentadbiran semua pegawai dan kakitangan awam dan juga pegawai / anggota beruniform teknikal Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja.